

Siaran Jabatan Alam Sekitar



Jabatan Alam Sekitar

28 Februari pada 6:12 PTG · 🌐



SESI LIBAT URUS JABATAN ALAM SEKITAR PULAU PINANG BERSAMA INDUSTRI-INDUSTRI YANG DILESENKAN

27 Februari 2025 - Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang telah mengadakan sesi libat urus bersama 30 premis industri yang dilesenkan (Premis Yang Ditetapkan).

Tujuan sesi ini dijalankan bagi membincangkan pelbagai perkara berkaitan pentadbiran dan pengurusan buangan terjadual yang meliputi penstoran luar tapak, pemerolehan kembali dan pelupusan akhir. Selain daripada itu, ia juga menyentuh mengenai persediaan industri-industri dalam penggunaan sistem atas talian E-SWISS V2 yang akan dilancarkan pada 1 April 2025.

Sesi libat urus yang diadakan ini berakhir dengan jayanya hasil perkongsian maklumat di antara pihak industri dan Jabatan. Sesi seumpama ini juga memainkan peranan penting dalam memastikan pengurusan dan pentadbiran buangan terjadual dapat diurus dengan sebaiknya.

[#NRES](#)

[#jabatanalamsekitar](#)

[#jaspulaupinang](#)

[#alamsekitartanggungjawabbersama](#)

[#jasppfeb2025](#)

